

# Jururawat asal Sabah rebut peluang kerja, belajar di S'pura

“Saya mahu mengaplikasikan pengetahuan yang telah saya pelajari dan dalam kedudukan yang lebih baik bagi membantu pesakit saya agar mereka tahu mereka berada di bawah jagaan yang baik.”

– Cik Sahrulniza Haslindah Abdul Ghani, yang mengikuti pengkhususan kejururawatan dialisis renal di SGH dan sedang memburu ijazah di MDIS.

**JURURAWAT DARI SEBERANG:** Cik Sahrulniza Haslindah Abdul Ghani, yang berasal dari Telipok, Sabah, kini merupakan jururawat di Hospital Besar Singapura (SGH) dan sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang kejururawatan di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS). – Foto MDIS



► **SHAHIDA SARHID**  
sshahida@sph.com.sg

MESKIPUN sudah meraih diploma dalam bidang kejururawatan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 2013, ia masih sukar bagi Cik Sahrulniza Haslindah Abdul Ghani mendapatkan pekerjaan sebagai jururawat di Seberang Tambak.

Beliau yang dilahirkan di Telipok, Sabah terpaksa menganggur selama dua tahun dan bekerja sambil di beberapa hotel dalam bidang hospitaliti – sesuatu yang tiada kaitan dengan bidang yang dipelajarinya.

Namun peluang menjadi jururawat akhirnya datang bergolek selepas universitinya mengirimkan e-mel tentang agensi perekrutan yang sedang mencari jururawat bekerja di luar negara termasuk di Singapura.

Hasil beberapa temu ramah, anak sulung lima beradik ini akhirnya berjaya dan kini bekerja sebagai jururawat di Hospital Besar Singapura (SGH).

Meskipun demikian, wanita berusia 26 tahun dan belum berumah tangga ini, tidak sekadar gembira dengan sijil diploma yang dimilikinya.

Beliau kini mengejar segulung ijazah dalam kejururawatan daripada Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS), yang menawarkannya dengan kerjasama Universiti Edinburg Napier.

Kursus itu ialah bagi tempoh dua tahun dan beliau dijangka tamat pengajian menjelang Januari 2020.

Sekolah Kejururawatan di kampus MDIS yang baru dilancarkan Mei lalu itu merupakan yang pertama diperkenalkan dalam sektor pendidikan swasta.

Ia kini mempunyai 212 pelajar dan menyasar mendapatkan 2,000 pelajar menjelang 2025.

Ini bagi memenuhi permintaan Singapura yang semakin meningkat dalam bidang jagaan kesihatan dan warga tua.

Menjelaskan apa yang dipelajarinya di MDIS, Cik Sahrulniza berkata kursus kejururawatan di institut itu sejajar dengan piawaian dan keperluan industri sepertimana yang ditetapkan Kementerian Kesihatan dan Lembaga Kejururawatan Singapura.

“Modul kami lebih menitikberatkan soal pembelajaran aplikasi.

“Kelas-kelas kami juga merupakan simulasi bak sekitaran hospital.

“Kami juga menggunakan patung yang

dapat memberikan maklum balas pada masanya,” ujar beliau.

Cik Sahrulniza yang kini mengikuti pengkhususan kejururawatan dialisis renal di SGH berkata dengan modul yang dipelajarinya di MDIS, ia dapat membantu beliau mengetahui apakah yang terkini dalam bidang tersebut di samping dapat mempercepatkan kemahirannya.

“Saya mahu mengaplikasikan pengetahuan yang telah saya pelajari dan dalam kedudukan yang lebih baik bagi membantu pesakit saya agar mereka tahu mereka berada di bawah jagaan yang baik,” ujarnya.